

**SOALAN NO: 510**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT GELUGOR]**

**RUJUKAN : BL11 [PR-1351-T00539]**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan kedudukan tunggakan kompaun lalulintas yang berjaya dikutip oleh DBKL sejak melaksanakan tindakan kompaun dan zon kapit parkir sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan mengapakah kadar penurunan kompaun tidak diseragamkan bagi memudahkan pemilik-pemilik kenderaan melunaskan tunggakan kompaun.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, sehingga **24 Februari 2017**, sebanyak **73,893** notis tertunggak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berjaya diselesaikan dengan kutipan sebanyak **RM2,384,179.00**.

Bermula **1 September 2016**, DBKL telah mula melaksanakan tindakan kapit tayar di sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak **3,551** kenderaan yang melanggar kesalahan telah mula dikenakan tindakan kapit tayar dengan kutipan bayaran sebanyak **RM 166,570.00**.

Datuk Bandar Kuala Lumpur telah mengumumkan kadar khas kompaun kesalahan trafik berkuatkuasa **1 Disember 2016 sehingga 28 Februari 2017**. Kadar ini adalah tertakluk kepada tahun kesalahan. Tujuan kadar ini tidak diseragamkan adalah bagi memberi peluang kepada pesalah untuk menyelesaikan notis-notis tertunggak dengan kadar yang rendah kerana selepas ini Datuk Bandar berhasrat untuk tidak lagi memberi kadar khas bagi kesalahan ini.